

Bah pulih di Kelantan

KOTA BHARU: Banjir di negeri ini pulih sepenuhnya apabila semua mangsa dibenar pulang dan pusat pemindahan ditutup, semalam.

Sehingga jam 6 petang, bacaan paras air di beberapa sungai utama mencatatkan penurunan ke paras normal, namun bacaan paras air di Sungai Lebir dan Sungai Golok berada pada paras

berjaga-jaga.

Sungai Lebir yang menunjukkan bacaan paras normal sekitar jam 1 tengah hari, semalam dengan bacaan 26.80 meter, meningkat kepada 28.42 meter, manakala bacaan paras air Sungai Golok di Rantau Panjang meningkat kepada 7.68 meter berbanding 7.54 meter pada jam 1 tengah hari.